



# Latihan Pengukuhan

## Bahagian A: Soalan Objektif

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Pilih satu jawapan yang terbaik bagi tiap-tiap soalan.

1 Antara berikut, yang manakah negara yang tidak melalui evolusi binaan terhadap reka bentuk seni bina di Tanah Melayu?

- A China
- B Korea
- C Eropah
- D Tanah Melayu

2 Apakah motif yang paling ketara terdapat di dalam seni ukiran hiasan pada seni bina rumah Melayu tradisional?

**KBAT Mengingat!**

- A Organik
- B Motif flora
- C Motif fauna
- D Geometrikal

3 Antara berikut, yang manakah rumah Melayu tradisional yang mempunyai serambi terbuka dan tangga batu yang dihiasi jubin bermotifkan flora pada bahagian hadapan rumah tersebut?

- A Rumah Bujang
- B Rumah Berpeleh
- C Rumah Serambi Melaka
- D Rumah Panjang Sarawak

4 Apakah bentuk simbolik yang terdapat pada pemehat?

**KBAT Mengingat!**

- A Ular yang terdapat pada perahu nelayan tempatan
- B Kucing yang terdapat pada perahu nelayan tempatan
- C Bangau yang terdapat pada perahu nelayan tempatan
- D Monyet yang terdapat pada perahun nelayan tempatan

5 Masjid paling moden di Asia Tenggara dan menjadi pencetus kepada satu standard dalam sejarah awal modenisme seni bina Malaysia

Pernyataan di atas merujuk kepada seni bina ibadat \_\_\_\_\_

- A Masjid Kampung Laut, Kelantan
- B Masjid Ubudiah, Kuala Kangsar
- C Masjid Negara, Kuala Lumpur
- D Masjid Tengker, Melaka

6 Dari manakah datangnya pengaruh reka bentuk seni bina Masjid Ubudiah?

- A Islam-India
- B Islam-China
- C Islam-Belanda
- D Islam-Portugal

7 Tokong Sam Poh Tong merupakan tokong gua tertua di negeri Perak.

Pilih pernyataan yang betul berkaitan dengan ciri-ciri tokong tersebut.

**KBAT Mengingat!**

- I Dibina di Kampong Jambu, Kelantan
  - II Mempunyai patung Buddha yang terbesar di dunia
  - III Mempunyai kolam berkonsepkan Jepun di laman hadapan
  - IV Di dalam gua terdapat arca-arca Buddha yang terletak di antara bongkah stalaktit dan stalagmit
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

8 Apakah elemen penting yang terdapat pada tokong dalam gambar rajah di bawah?



- A Roda Dharmacakra
- B Dewan langar
- C Cable roof
- D Gopuram

9 Antara berikut, yang manakah seni reka bentuk yang terdapat di Kuil Sri Mahamariamman?

- A Mempunyai menara dan kubah
- B Kuil yang berbentuk segi empat sama
- C Mempunyai menara pintu gerbang *gopuram*
- D Siling di dewan utama dihiasi corak petak berwarna-warni

10 Apakah kemudahan-kemudahan yang terdapat di sebuah Gurdwara?

**KBAT Mengingat!**

- I Pelantar
  - II Kolam penyu
  - III Perpustakaan
  - IV Dewan 'langar'
- A I dan III
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

11 Apakah corak ukiran istana yang tidak ditonjolkan bagi gambar rajah di bawah?

**KBAT Mengingat!**



- A Ukiran corak berulang-ulang
- B Ukiran tradisional Melayu

- C. Ukiran tulisan Khat
- D. Ukiran motif fauna

12. Antara berikut, yang manakah istana yang menyerupai reka bentuk Minangkabau dan dibina daripada bahan kayu dengan teknik paku pasak?

- A. Istana Negara, Kuala Lumpur
- B. Istana Maziah, Kuala Terengganu
- C. Istana Seri Menanti, Negeri Sembilan
- D. Istana Bukit Serene, Johor Bahru

13. Istana Iskandariah terletak di negeri Perak. Berikut merupakan pernyataan yang betul kecuali

A. Menyerupai motif seni bina India-Islam dengan gabungan motif seni bina Asia Barat

- B. Gerbang pintu masuk dilalai dengan seni catan
- C. Mempunyai motif berbentuk flora dan fauna
- D. Kubah berbentuk payung

14. Antara berikut, yang manakah reka bentuk makam binaan berbentuk L?

- A. Makam Diraja Mahmoodiah
- B. Makam Diraja Langgar
- C. Makam Diraja Jugra
- D. Tiada di atas

15.

- Bahagian utama mempunyai seni bina seperti sebuah masjid.
- Bahagian kedua mempunyai kawasan lingkaran tembok putih yang dikenali sebagai Kota Lama atau Lingkaran dalam.

Pernyataan di atas merujuk kepada seni bina \_\_\_\_\_

- A. Makam Diraja Mahmoodiah
- B. Makam Diraja Langgar
- C. Makam Diraja Jugra
- D. Istana Iskandariah